

01/10/2001

Pas tidak perlu lagi bersandiwara tubuh negara Islam

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, secara terbuka mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Perdana Menteri berhak membuat perisytiharan itu kerana Malaysia sebenarnya sudah lama memenuhi takrif negara Islam dan diakui oleh negara Islam lain. Perkara ini juga diakui dalam Muzakarah Daulah Islamiah yang dihadiri oleh 70 alim ulama, ahli akademik dan aktivis Islam di Kuala Lumpur, 3 Ogos lalu, yang sebulat suara mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Semua ahli muzakarah puas hati dengan perkembangan di Malaysia yang diakui termasuk dalam takrif lingkungan negara Islam yang diberikan oleh keempat-empat mazhab dalam sunnah wal jamah.

Pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara Islam terkandung dalam kertas kerja bertajuk Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam oleh Datuk Wan Zahidi Wan Teh dari Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan. Dalam kertas kerjanya, beliau memetik penjelasan seorang ulama terkemuka mazhab Syafie, al-Mawardi, berhubung tugas sebuah negara Islam. Berdasarkan penjelasan al-Marwardi, Malaysia sudah melaksanakan keseluruhan tanggungjawab yang menjadi kewajipan sebuah negara Islam kecuali dalam beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan. Jika negara Islam lain dan alim ulama secara bermuzakarah mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, siapa pula Pas untuk menidakkan perkara itu?

Malaysia sebenarnya tidak memerlukan pengiktirafan Pas yang kerap mengemukakan pandangan sempit mereka mengenai Islam. Bagaimanapun, jika Pas benar-benar ikhlas dan jujur demi kepentingan ummah dan agama, mereka perlu turut mengakui bahawa Malaysia sebenarnya sebuah negara Islam. Jika tidak, Pas perlu menyahut cabaran Perdana Menteri untuk memperincikan ciri-ciri negara Islam yang mereka cita-citakan. Pas perlu menyatakan apakah bentuk negara Islam sebenar dan bagaimana ia akan dilaksanakan? Hakikatnya, Pas masih terkial-kial untuk menyokong hujah mereka mengenai negara Islam.

Persoalannya, apakah Pas bimbang jika mereka mempunyai takrifan sendiri mengenai negara Islam sekali pun, mereka tetap bimbang untuk mendedahkannya kerana takut kehilangan sokongan kaum lain, sebagaimana mereka mendakwa kononnya jika Umno secara terang-terang mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, akan ditentang oleh parti komponen Barisan Nasional (BN) lain. Rakyat perlu mengetahui apakah bentuk negara Islam ala Pas kerana ahli parti itu yang menyertai kumpulan militan menganggap demokrasi sebagai tidak Islam. Adakah negara Islam ala Pas sama seperti pegangan puak Taliban di Afghanistan yang terlalu menyempitkan agama? Adakah negara Islam ala Pas akan menyekat wanita keluar rumah, tidak boleh bekerja atau belajar seperti yang dilakukan oleh pemerintah Taliban?

Jika Pas mendakwa Malaysia bukan negara Islam, sedangkan takrif negara Islam sama seperti ciri-ciri negara Islam lain, adakah negara seperti Jordan, Mesir, Algeria, Qatar dan Maghribi, misalnya bukan negara Islam? Pas perlu menjelaskan ciri negara Islam yang mereka cita-citakan. Pas tidak perlu menunggu sehingga dapat memerintah Malaysia baru hendak berbuat demikian.

Nampaknya Pas berterusan hendak mengabui rakyat majoriti negara ini.

(END)